

16.9.2021

Siaran Media  
oleh DATO' IR. JASENI MAIDINSA  
CEO, PBA Holdings Bhd dan PBAPP

## **EMPANGAN MENGGUANG DITUTUP SEMENTARA KEPADA ORANG AWAM**

- **Arahan penutupan 7 hari (bermula 15.9.2021) yang dikeluarkan oleh Pejabat Kesihatan Daerah Seberang Perai Tengah, atas sebab akses orang awam “boleh menyebabkan berlakunya wabak dan perebakan penyakit berjangkit”.**

PULAU PINANG, Khamis, 16.9.2021: Empangan Mengkuang di Seberang Perai ditutup kepada orang awam buat sementara waktu bagi mengelak penularan wabak Covid-19 di Pulau Pinang.

Penutupannya adalah bagi mematuhi arahan yang dikeluarkan oleh Pejabat Kesihatan Seberang Perai Tengah semalam (15.9.2021). Dikeluarkan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988, arahan tersebut menyatakan perkara berikut:

**“Pada menjalankan kuasa di bawah Seksyen 18(1)(f) akta berkenaan, saya selaku Pegawai Diberikuasa dengan ini memerintah supaya Empangan Mengkuang, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP), P133 Kampung Mengkuang, 14000 Kubang Semang, Pulau Pinang, ditutup bagi mengelakkan perebakan penyakit berjangkit selama 7 hari.”**

Ia ditandatangani oleh Penolong Pegawai Kesihatan Seberang Perai Tengah.

PBAPP akan mematuhi arahan ini sepenuhnya demi keselamatan awam dan pencegahan perebakan wabak Covid-19 di Pulau Pinang.

Oleh itu, anggota polis bantuan PBAPP telah diarahkan untuk menghalang kemasukan awam ke premis Empangan Mengkuang.

Orang awam dengan ini dinasihatkan untuk **TIDAK** pergi ke Empangan Mengkuang. Kedatangan pelawat tanpa kebenaran akan diberhentikan di pintu masuk dan diminta pulang.

PBAPP memohon maaf atas segala kesulitan yang berlaku kepada orang yang ingin mengunjungi empangan untuk tujuan rekreasi tetapi notis penutupan kesihatan awam rasmi telah dikeluarkan.

**Harap maklum bahawa peraturan keselamatan berikut oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan terpakai kepada Empangan Air Itam, Empangan Teluk Bahang dan Taman Rekreasi Bukit Dumbar berkuatkuasa serta-merta.**

- 1. Memastikan hanya individu/pengunjung yang telah lengkap vaksinasi sahaja dibenarkan memasuki kawasan empangan dan menggunakan kemudahan**
2. Individu yang berusia 17 tahun dan ke bawah dibenarkan masuk bersama ibu atau bapa dengan syarat ibu atau bapa yang membawa mereka sudah lengkap dos vaksinasi
3. Aktiviti yang boleh menyebabkan kehadiran ramai orang/pengunjung sehingga menyukarkan penjarakan fizikal dan pematuhan kepada arahan Ketua Pengarah Kesihatan adalah dilarang.

Hanya mereka yang menunjukkan status "My Sejahtera" berikut akan dibenarkan masuk:

- "RISIKO RENDAH"
- "KONTAK KASUAL"

Orang ramai dengan status "tidak selamat" berikut tidak dibenarkan masuk.

- "KONTAK RAPAT"
- "INDIVIDU DALAM PEMANTAUAN (PUS)"
- "KES SUSPEK"
- "KES YANG DISAHKAN – TIDAK BERGEJALA"

Harap maklum peraturan keselamatan di atas akan turut terpakai di **Empangan Mengkuang** apabila ia dibuka semula pada 23.9.2021.

## **Peraturan dan undang-undang keselamatan awam lain di kawasan rekreasi**

Peraturan keselamatan awam PBAPP lain di empangan dan taman rekreasi Bukit Dumbar termasuk:

- Mengehadkan jumlah maksimum pengunjung kepada 200 orang pada satu-satu masa (350 orang untuk Empangan Mengkuang);
- Pendaftaran wajib menggunakan aplikasi “MySejahtera”;
- Pengimbasan suhu individu di pintu masuk (mereka dengan bacaan suhu 37.5°C ke atas tidak akan dibenarkan masuk);
- Penjarakan fizikal 3m hingga 5m;

Pemahaman dan kerjasama anda amat dihargai.

Terima kasih.

---

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah  
Unit Komunikasi Korporat  
Tel : 04-200 6607  
Email : [syarifah@pba.com.my](mailto:syarifah@pba.com.my)

**ALL VISITORS TO AIR ITAM DAM, TELUK BAHANG DAM,  
MENGKUANG DAM AND BUKIT DUMBAR RECREATIONAL PARK  
MUST BE FULLY VACCINATED FOR COVID-19.**



## MySejahtera PROFILE

### STATUS RISIKO COVID-19 / COVID-19 RISK STATUS

#### DIBENARKAN MASUK / ALLOWED TO ENTER



##### Risiko Rendah / Low Risk

Status Risiko COVID-19  
COVID-19 Risk Status



Risiko Rendah / Low Risk



##### Kontak Kasual / Casual Contact

Keputusan Penilaian Kesihatan  
Health Assessment Result



Kontak Kasual / Casual Contact

#### TIDAK DIBENARKAN MASUK / NOT ALLOWED TO ENTER



##### Kontak Rapat / Close Contact

Keputusan Penilaian Kesihatan  
Health Assessment Result



Kontak Rapat / Close Contact



##### Individu Dalam Pemantauan / Person Under Surveillance (PUS)

Status Risiko COVID-19  
COVID-19 Risk Status



Individu Dalam Pemantauan /  
Person Under Surveillance (PUS)



##### Kes Suspek / Suspected Case

Keputusan Penilaian Kesihatan  
Health Assessment Result



Kes Suspek / Suspected Case



##### Kes Yang Disahkan / Confirmed Case

Keputusan Ujian Makmal COVID-19  
COVID-19 Lab Test Results



Kes Yang Disahkan - Tidak Bergejala /  
Confirmed Case - Asymptomatic